

Tuntutan al-Qur'ān:

## Al-Qur'ān Kitab Allah yang Paling Utama

Al-Qur'ān ialah kitab Allah yang paling utama dan dinamik. Kitab antarabangsa yang tiada tolak bandingnya di muka bumi ini. Al-Qur'ān melengkapinya segala kitab Injil, Zabur dan Taurat. Punca insan mengubah fikiran dari kolot dan karut, juga sumber pengetahuan yang diburu oleh manusia tua dan muda. Dalam seribu masalah hidup, memang lebih baik kepada dasar al-Qur'ān yang dinamik di zaman umat Islam menghadap cabaran zaman.

(Oleh: Shahrudin Dahari)

### Bahasa yang menusuk jiwa:

Kalaulah kita selidiki akan isi al-Qur'ān dan berusaha mengkaji dengan *detail* nescaya segala rupa bentuk hidup manusia di dalam dunia ini dapat berpedoman kepada prinsip-prinsip yang dinamik dan sesuai seperti mana yang dikehendaki oleh pengajaran Nabi Muhammad *salla Allāhu 'alayhi wa sallam* yang diutuskan ke alam buana ini yang bersetujuan untuk mengubah kerendahan hidup menjadi insan yang *kāmil* dalam erti kata yang sebenarnya.

Memang jelas dibayangkan oleh Tuhan melalui ayat-ayat-Nya, bersastera, mempunyai *tashbīh mushābahah* dan *ghayru mushābahah* yang mengagumkan setiap manusia bila membacanya. Sebelum lagi seseorang itu mengetahui akan tafsir ayat-ayat Allah itu satu-persatunya; kita telah terpesona dengan gaya bahasanya yang paling indah lagi menusuk jiwa. Apatah lagi bila kita dapat mempelajari akan isi al-Qur'ān itu dengan penuh minat dan secara sedar, bukan di alam khayali.

### Beberapa hikmah dan 'izzah dapat

dicakup dari isi-isi al-Qur'ān yang maha agung. Bukan sahaja Qur'an itu dipersukankan di setiap tahun di Malaysia hendaknya, tetapi setiap pemimpin yang memegang teraju kerajaan hari ini cepat membuka al-Qur'ān serta membaca tafsirannya. Kalau pun mereka tidak mengenali tulisan-tulisan Arab di dalam al-Qur'ān itu, janganlah bungkam jiwa mereka lantas melesing jauh-jauh. Belajarlah dan bertanyalah kepada tuan-tuan guru agama kita. Jika berasa segan juga, sila bertanya kepada pelajar-pelajar agama yang bertaburan di sekolah rakyat di merata tanah air. Dan pemimpin-pemimpin kita yang jahil tentang hakikat agama Islam, sila jangan pandai-pandai bersyarah dan memberi penerangan tentang pengajaran Islam. Bila orang jahil tentang pengertian al-Qur'ān turut memperkatakan kepada orang yang jahil: akan menemui bahaya yang besar lagi menyesatkan orang lain. Hati-hatilah wahai pemimpin-pemimpin bangsa yang dinamik.

### Penyejuk jiwa yang berontak:

Kerunsingan manusia di alam maya ini, dapat dihapuskan dengan pembacaan al-Qur'ān. Ayat-ayat al-Qur'ān menjadi penyejuk jiwa yang berontak dan ubat hati yang lara serta sensitif. Umat Islam memang bertuah dan beruntung dapat mendengar pembacaan al-Qur'ān itu dialun-alunkan dengan suara yang merdu dari qari-qari dan qariah-qariah setempat. Tetapi bagi orang-orang kafir rugi semata-mata dan serugi-ruginya, kerana tidak memahami akan maksud al-Qur'ān itu. Kalaulah mereka tidak berdegil manakala ayat-ayat suci itu dibacakan, nescaya berimankah mereka: selagi belum mata hati mereka buta.

Allah Ta'ālā menegaskan dengan firman-Nya di dalam Sūrah al-Baqarah ayat (6) dan (7):

**"Inna alladhīna kafarū sawū' 'alayhim 'a'andhartahum am lam tundhirhum lā yu'minūn. Khatama Allāhu 'alā qulūbihim wa 'alā sam'ihim Wa 'alā abṣārihim ghishāwah; walahum 'adhāb 'aẓīm"**

Ertinya: "Bahawasanya orang-orang yang

## Tuntutan al-Qur'ān

engkar sama sahaja pada mereka itu, sama ada engkau mempertakuti mereka itu atau tidak, engkau pertakuti, mereka tidak percaya. Telah dicap Allah akan hati mereka, pendengaran mereka dan penglihatan mereka sampai tertutup. Dan bagi mereka seksa yang besar.”

Memanglah jelas dan jelas secara terang-terangan ayat Tuhan itu menempelak kepada orang-orang yang engkar yang tak mahu beriman kepada Allah dan rasul-Nya, dan mereka akan menyumbat kesemua anak jari mereka ke cuping telinga supaya tidak mendengar pembacaan al-Qur'ān itu. Begitu tajam sindiran Allah terhadap orang-orang kafir. Mata hati mereka telah keras seperti batu yang tidak harus pecah ditimpa alunan ayat-ayat Tuhan itu. Dan kini menjadi cabaran kepada orang yang terdiri dari golongan muda cuba melarikan diri bila pembacaan Qur'an diketemukan, lantas lari menuju ke tempat-tempat hiburan dan sebagainya.

### Umat Islam harus bergerak:

Memang sifat semula jadi pemuda-pemuda gemar kepada hiburan. Sebab hiburan itu dapat menghilangkan kerunsingan dari sentimental. Tetapi ada lagi yang lebih berkesan untuk menghilangkan penyakit jiwa, tidak dengan hiburan tetapi dengan membaca al-Quran.

Wahai saudara-saudaraku seagama! Bila ditinjau tentang perkembangan seni musik di negara kita kepada jiwa-jiwa muda, hendaknya jangan terbiar ke arah musik semata-mata tanpa menghiraukan akan kewajipan sebagai seorang manusia yang beragama Islam. Kita sebagai pemuda harus sedar terhadap agama dan

tanggungjawab di masa depan. Dan marilah kita belajar dan mengenal agama Islam secara mendalam dan menganalisa serta mencungkil akan isi-isi al-Qur'ān yang dinamik itu.

Setiap umat Islam harus

bergerak menuju ke arah kemajuan dunia serta tidak melupakan Akhirat. Dan dan<sup>1</sup> sebaliknya bukan mengejar *material* semata-mata dan melupakan negeri Akhirat tempat kita akan kekal bersemadi. Sebagaimana firman Allah



Salah sebuah pintu gerbang yang indah yang didirikan di tengah-tengah kota diraja Seremban pada hari pertabalan Tuanku Jaafar ibni almarhum Tuanku Abdul Rahman menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 8 haribulan April 1968 yang lalu.

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan dan.

## Tuntutan al-Qur'ān

Ta'ālā dalam kitab suci:

*“Wa’abtaghi fīmā atāka Allāhu al-dāra al-Akhirat, wa lā tansa naṣībaka min al-dunyā, wa aḥsin kamā aḥsana Allāhu ilayka, wa lā tabghi al-faṣāda fi al-arḍ, inna Allāha lā yuhibbu al-mufsidīn”.*

Ertinya: “Dan carilah kurnia yang diberikan Allah kepadamu keselamatan negeri Akhirat, tetapi janganlah kamu lupakan bahagian kamu dari dunia; dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu; dan janganlah cari kehancuran di bumi, kerana sesungguhnya Allah itu tidak suka orang-orang yang berbuat kehancuran.”  
(Ayat 77 *Sūrah al-Qaṣaṣ*)

### **Kemunduran umat Islam:**

Dalam kita mencari kurniaan Allah untuk keselamatan Akhirat dan tanpa melupakan habuan di dunia, maka hendaklah kita menyedari akan kemunduran kita umat Islam di negeri kita sendiri. Negara dan bangsa pasti kita jaga dari kebinasaan dan kehancuran. Jangan kita pilih pemerintah kita dari orang-orang yang buta tentang selok-belok agama Islam. Kita pasti mengkaji masa depan anak-anak cucu kita yang berada di negaranya yang 99% beragama Islam, yang bakinya lain-lain agama. Kita harap negara kita akan tidak ditadbirkan oleh orang-orang kafir. Hanya satu kepada patriot bangsa yang berjihad meninggikan kalimah Allah *Hayya al-‘Ulyā* saja tempat kita mempersatukan Islam di muka bumi Malaysia dan negara-negara lain yang majoriti rakyatnya beragama Islam.

Tuhan mengutuskan rasul-Nya ke alam

ini adalah sebagai pesuruhjaya memerintah dunia. Mengamankan dunia yang kucar-kacir, menghapuskan perhambaan serta membanteras kejadurjanaan<sup>2</sup> yang meracun insan di zaman Jahiliyyah. Sinar Islam telah terang di seantero dunia. Pembesar-pembesar negara yang degil dan keras kepala, telah memeluk agama Islam serta diikuti oleh rakyat jelata. Ini semua dari kejayaan Nabi Muhammad dan pejuang-pejuang Islam sesudah tamatnya seruan Nabi menyebarkan syiar Islam. Tugas ini kemudian disambung pula oleh para Sahabat dan khalifah-khalifah. Tugas penyampaian ini memang tak habis-habis kerana mematuhi akan sabda Rasul yang bermaksud: “Sampaikanlah daripadaku walau satu ayat.”

### **Jadikanlah pedoman hidup:**

Saya berpendapat, bahawa ayat-ayat Qur'an harus digalakkan kepada kanak-kanak menghafaznya. Terutama di seluruh sekolah agama di tanah air agar menyahut seruan ini, demi kebaikan pendidikan Islam di negara kita. Ini ialah

bertujuan menanamkan semangat cinta kepada al-Qur'an dan agama Islam yang maha suci itu. Selain dari itu dapat menjadi ubat penerang hati anak-anak kita. Mudah-mudahan dengan cara-cara seperti ini pemikiran anak-anak kita bernas sebernas-bernasnya. Begitu juga bagi pelajar-pelajar kita agar sering membaca dan menghafaz akan ayat-ayat Qur'an.

Kitab Allah yang mulia ini jadikanlah pedoman hidup dalam beberapa aspek kemajuan, sebab segala kemajuan sains dan teknologi hari ini memang sedia ada dibayangkan dalam al-Qur'an. Maka bagi pelajar-pelajar jangan meninggalkan kemajuan yang tersebut, sebab dengan awal-awal lagi ilmu sains telah dicipta oleh orang Islam sendiri sebelum orang-orang Barat dapat mengkajinya. Kita pasti kejar hak dan kepunyaan kita yang silam walaupun kini ia sudah jadi hak milik orang lain. Sebab pengetahuan itu adalah hak seluruh umat manusia di dunia ini.



Salah sebuah kereta berhias yang dipertunjukkan di kota Seremban pada hari pertabalan Tuanku Jaafar ibni almarhum Tuanku Abdul Rahman menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah kedurjanaan.